

## Pembangunan Wakaf Penternakan di Malaysia: Satu Sorotan Awal

Umami Sulaim Ahmad Rashid<sup>1\*</sup>, Mohd Faiz Mohamed Yusof<sup>2</sup>,  
Azri Bhari<sup>3</sup>, M. Nasrul Hakim Roslan<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
27600 Raub, Pahang

\*Pengarang Penghubung

sulaim71@uitm.edu.my\*, faizyusof@uitm.edu.my, azrib@uitm.edu.my,  
nasrulhakimroslan@uitm.edu.my

Received: 30 October 2022

Accepted: 8 Mac 2023

Online First: 12 April 2023

### ABSTRAK

*Krisis rantaian makanan pada masa kini kian meruncing serta menjadi masalah global. Hal ini kerana berlakunya peningkatan tekanan akibat iklim cuaca, kesan pandemik COVID-19, gangguan bekalan mentah serta ketidakstabilan konflik politik. Kesannya, Malaysia turut menerima tempias seperti kekurangan bekalan daging di pasaran, kos makanan dedak yang diimport mahal sekali gus menyebabkan harga kos operasi penternakan meningkat. Ini sekali gus menjejaskan dan memberi kesan kepada ekonomi secara keseluruhan termasuk sektor kerajaan, swasta serta masyarakat. Dengan demikian, kajian ini bertujuan untuk melihat potensi dan hala tuju wakaf yang dapat dibangunkan dan diperkembangkan dalam sektor penternakan di Malaysia. Metodologi yang di gunakan di dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan secara kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan meneliti sumber-sumber sekunder berkaitan dengan wakaf serta industri penternakan di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa mekanisme wakaf di dalam sektor penternakan mempunyai potensi yang sangat baik untuk dikembangkan di Malaysia ekoran daripada polisi kerajaan berkaitan industri penternakan, keperluan peningkatan sekuriti makanan serta trend perkembangan wakaf di Malaysia yang semakin dipelbagaikan dalam memaksimumkan manfaat instrumen ekonomi Islam melalui wakaf. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak berkepentingan untuk memperhalusi*

*dan memperkembangkan wakaf dalam pelbagai sektor ternakan bagi memenuhi keperluan semasa.*

**Kata kunci:** makanan, pertanian, penternakan; polisi kerajaan, sekuriti, wakaf

## **Development of Livestock Waqf in Malaysia: A Literature Review**

### **ABSTRACT**

*The current food chain crisis is becoming increasingly acute and becoming a global problem. This is because of the increase in pressure due to the weather, the effects of the COVID-19 pandemic, disruption of raw supplies and the instability of political conflicts. As a result, Malaysia also receives setbacks such as a lack of meat supply in the market, the cost of imported bran feed is expensive, thus causing the price of animal husbandry operation costs to increase. This in turn affects the economic impact as a whole, especially the government, private and community sectors. Thus, this study aims to see the potential direction of waqf that can be developed and expanded in the livestock sector in Malaysia. The methodology used in this study is a qualitative research method which is a library study by examining secondary sources related to waqf and the livestock industry in Malaysia. This study shows that the waqf mechanism in the livestock sector has very good potential to be developed in Malaysia due to government policies related to the livestock industry, the need to increase food security and the trend of waqf development in Malaysia which is increasingly diversified in maximizing the benefits of Islamic economic instruments through waqf. The findings of this study are expected to help stakeholders to refine and develop waqf in various livestock sectors to meet current needs.*

**Keywords:** Agriculture, Endowment, Food Security, Government Policy, Livestock

### **PENGENALAN**

Wakaf merupakan mekanisme ekonomi yang mementingkan persaudaraan dan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat umat Islam. Ini kerana, ganjaran besar yang dijanjikan oleh Allah selagi mana harta tersebut dimanfaatkan untuk keperluan ummah. Oleh itu, Islam memperkenalkan medium penyatuan umat melalui aspirasi ekonomi iaitu muamalat, wakaf,

sedekah, hibah dan faraid juga dikenali sebagai alat pengagihan harta kepada manusia bertujuan infak serta mengharapakan ganjaran daripada Allah (Roslan et al.,2021). Secara kebiasaan, wakaf dikenali sebagai medium pengagihan harta seperti wakaf tanah perkuburan serta wakaf pembinaan masjid (Astuti,2022). Namun, wakaf kini boleh diintegrasikan bersama keperluan masyarakat ummah dan juga mengikut arus kemodenan zaman sehingga muncul wakaf bersifat kontemporari seperti wakaf saham, wakaf penternakan, dan sebagainya. Menurut Surita Hartini & M. Nasir (2019) konsep pembangunan harta wakaf yang lestari perlu didasari dengan sumber Islam; berprinsipkan kepada adil, amanah, bersifat ekonomi, patuh syariah dan memelihara alam sekitar; memelihara elemen kekal, produktif dan bermanfaat, serta dapat mendekatkan diri kepada Allah.

Manakala, penternakan merupakan komponen utama terhadap penghasilan makanan di negara ini. Sistem ketersediaan makanan merupakan komponen utama yang memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran ‘Sifar Kelaparan’ sepertimana yang telah digariskan dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs). Komponen ini turut menentukan keperluan memastikan rantaian sekuriti makanan yang terjamin serta menambah baik kualiti nutrisi makanan. Tambahan pula, ternakan merupakan salah satu sumber di muka bumi yang bersifat ekonomi. Kajian Adnan Mohamed Yusoff & Abdoul Karim Toure (2020) menyimpulkan objektif penyebutan haiwan dan ternakan di dalam al-Quran menunjukkan bahawa peranan manusia sebagai khalifah diperlukan dalam mengkaji, penghasilan dan menggunakan potensi sumber haiwan dan ternakan dengan optimum secara komersial demi kemajuan yang lestari tanpa mengabaikan aspek spiritual. Oleh itu, kajian ini menjadi sebahagian kepada penyelidikan awal serta meneroka potensi penggunaan sumber haiwan dan ternakan secara efisien selari peningkatan penggunaan dan permintaan makanan global. Potensi ini akan dilihat melalui alat ekonomi Islam iaitu wakaf.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan secara kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Kajian tersebut dilakukan bagi mengumpul data sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal, kertas kerja, kertas prosiding, rencana dan laman sesawang yang membincangkan berkaitan dengan krisis rantaian makanan, penternakan dan mekanisme utama wakaf dalam membantu masyarakat.

## **Pasaran Penternakan**

Penternakan merujuk kepada haiwan yang ditenak terutamanya untuk menghasilkan komoditi seperti susu, daging, telur, kulit serta bulu. Hal ini menunjukkan sektor ternakan bukan sekadar haiwan, menghasilkan makanan malah sumber pendapatan dan pekerjaan (Zayadi, 2021). Manakala menurut Seré et al. (1995) sistem pertanian haiwan dibangunkan ekoran daripada agroekologi dan permintaan untuk komoditi makanan. Agroekologi merupakan keseluruhan sistem pertanian dan makanan yang mewakili transdisiplin iaitu ekologi, sosiobudaya, teknologi, ekonomi dan politik sistem makanan, melalui hasil pengeluaran kepada penggunaan. Oleh itu, sistem ternakan dapat memberi sumbangan ekonomi yang penting ekoran keseimbangan yang saling terkait dan merangkumi pelbagai dimensi. Oleh itu, penerokaan pasaran pertanian perlu diberi insentif kewangan dari pelbagai aspek untuk membantu petani dalam tingkah laku pengkomersilan mereka. Antaranya membangunkan kapasiti keusahawanan petani, mengukuhkan institusi pertanian, membina infrastruktur fizikal dan pemasaran (Yaseen et al., 2018).

Selain itu, perancangan program yang berkesan secara sistematik dan konsisten melibatkan pakar dalam penternakan ruminan sehingga membentuk perubahan masyarakat setempat. Hal ini penting kepada agen pengembangan ternakan itu sendiri untuk mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan supaya mencapai pertumbuhan pengeluaran yang memberangsangkan. Maka, ini membuka petunjuk kepada pihak berkepentingan untuk bekerjasama sama ada penternak mahupun penggubal dasar (Farah Adila et al., 2020). Tambahan pula, penternak yang berpengalaman harus diberi keutamaan dalam perancangan strategik pembangunan keusahawanan kerana pengalaman mempunyai pengaruh yang signifikan kepada kecekapan ladang (Serin et al., 2008). Dengan ini, menunjukkan bahawa pasaran penternakan boleh terus dikembangkan dengan pelbagai aspek dalam memenuhi keperluan semasa.

## **Polisi Kerajaan terhadap Sektor Penternakan**

Sektor penghasilan makanan seperti bidang pertanian dan juga bidang penternakan tidak pernah menjadi anak tiri kepada pembangunan sesebuah negara. Ini bagi memastikan penghasilan makanan tempatan dan rangkaian ekonomi tidak terputus dan tidak hanya bergantung kepada makanan yang diimport dari negara luar. Malaysia merupakan negara yang kaya dengan sumber kekayaan seperti minyak galian, kelapa sawit, penternakan bagi menghasilkan sumber pendapatan untuk negara sekali gus memastikan akses

asas kepada makanan adalah terjamin. Misalnya, Rancangan Buku Hijau adalah pelan kerajaan yang diperkenalkan pada tahun 1974 bagi mengawal inflasi serta mengurangkan kebergantungan import makanan ke negara kita (Mutalib, Z. A., 2020). Malaysia telah membentuk dasar sejak awal kemerdekaan lagi bagi menjamin bekalan makanan seperti Dasar Pertanian Negara Pertama hingga Ketiga serta Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Seterusnya, di bawah program Transformasi Kerajaan dan Model Ekonomi Baru turut diperkenalkan Dasar Agromakanan Negara (DSN) sebagai sebahagian mencapai pembangunan negara ke arah Wawasan 2020 (Mohd Borhanuddin et al., 2018) dan kini DSN 2.0 turut ditambahbaik mengikut keperluan semasa. Pada awalnya, pihak kerajaan yang juga penggubal dasar memperkenalkan pelbagai insentif bagi menyokong dasar utama negara seperti program pembangunan dan galakan pertanian, insentif bantuan kewangan, aplikasi teknologi dalam pertanian, membantu pembangunan tanah, melakukan penyelidikan serta menyediakan kemudahan fasiliti.

Selain itu, pemantapan dasar juga dapat dilihat melalui hala tuju yang konsisten, jaminan pengeluaran dan perkembangan pemasaran dalam memenuhi permintaan serta membentuk kerjasama agensi berkaitan bagi melengkapkan dan mengukuhkan industri pertanian dalam menghadapi cabaran semasa (Zahrul Akmal, 2016). Manakala, penubuhan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sentiasa ke hadapan bagi memastikan sektor pertanian menjadi lebih dinamik, inovatif, kompetitif dan menyumbang secara positif kepada ekonomi negara. Kerajaan Malaysia juga telah mengumumkan dan memperkenalkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) dengan bertujuan memfokuskan pengeluaran dan input makanan tempatan secara menyeluruh di samping pelbagai inisiatif lain bagi membantu golongan sasaran dalam rantai nilai sistem makanan. Hal ini bagi menjamin kelestarian serta persiapan negara dalam menyediakan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan bekalan rantai makanan yang berterusan (MAFI, 2021). Pelan Tindakan DSMN tersebut telah dibangunkan bagi memperkukuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke sisa makanan. Pelan Tindakan ini yang merangkumi 5 teras strategik, 15 strategi dan 96 inisiatif ini dijangka akan dapat memastikan kesinambungan bekalan makanan negara, khususnya dalam menghadapi situasi di luar jangkaan.

Pelan ini selaras dengan aspirasi kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan SDGs. Selain

itu, kerajaan Malaysia turut memperkenalkan pakej bagi membantu golongan yang memerlukan antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), sebanyak RM 640 juta diperuntukkan kepada MAFI. Manakala menerusi Bajet 2021, sejumlah RM4.79 bilion diperuntukkan bagi merancakkan lagi sektor pertanian dan industri makanan negara, RM1.53 billion diluluskan untuk 300,000 pesawah bagi subsidi serta insentif pengeluaran padi negara (Mutalib, Z. A. 2021). Di sini dapat dilihat pelbagai dasar, polisi, program dan pelan strategik dirangka serta dilaksanakan dalam menjayakan industri ternakan di Malaysia. Perancangan yang dilakukan oleh pihak kerajaan perlulah konsisten serta signifikan dalam memenuhi keperluan dan keadaan pasaran semasa terutama dalam menjamin keseimbangan sosioekonomi.

### **Isu-Isu berkaitan Penternakan**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (2021) melalui Pelan Strategik dan Tindakan Pembangunan Industri Pedaging 2021-2025 telah menggariskan beberapa isu berkaitan penternakan di Malaysia antaranya populasi asas ternakan masih rendah dan tidak mencukupi berbanding dengan jumlah pertambahan populasi penduduk bagi tujuan permintaan daging, seterusnya kos melaksanakan perniagaan ternakan yang semakin meningkat, peruntukan kewangan bagi kos pembangunan industri ternakan tidak mencukupi, kemudahan dana bantuan kewangan yang disediakan oleh industri kewangan yang masih kurang, lokaliti kawasan yang dikhususkan bagi aktiviti penternakan terhad, krisis kekurangan sumber makanan ternakan tempatan yang berkualiti dengan harga kompetitif, cabaran tenaga kerja mahir, ancaman penyakit, persaingan antara daging segar dan daging kerbau sejuk beku import. Di samping itu, perubahan landskap senario politik di negara pengeluar utama lembu hidup dan juga daging lembu seperti India dan Australia telah mempengaruhi sebahagian besar polisi negara tersebut. Secara tidak langsung, Malaysia juga menerima tempias krisis kelestarian bekalan lembu terutamanya pasaran daripada sumber utama bekalan daging import iaitu India. Australia pula telah menguatkuasakan *Export Supply Chain Assurance System* merujuk kepada peraturan yang melibatkan pemantauan pengurusan dengan menekankan aspek kebajikan haiwan di negara Australia hingga ke peringkat sembelihan di negara pengimport (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2021).

Selain itu, negara Asia serantau telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan menyebabkan peningkatan permintaan terhadap bekalan daging ruminan. Selain itu, sekuriti makanan bukan sahaja menjadi isu utama

dalam negara susulan daripada kes antarabangsa seperti perubahan iklim, peperangan dan juga kesihatan (Harian Metro, 2022). Sulaiman N.A (2022) melaporkan bahawa Malaysia bergantung kepada import 100% makanan ternakan haiwan menyebabkan Malaysia terkena tempias masalah bekalan makanan di peringkat global. Hal ini menyebabkan kerajaan mengusulkan idea bagi menubuhkan Lembaga Ruminan Negara bagi meningkatkan bekalan daging tempatan serta menyifatkan industri ternakan ruminan di Malaysia masih tahap skala kecil atau sederhana.

Tambahan pula, industri penternakan mampu memberi pulangan sebanyak 25% hasil ladang jika ditadbir dengan berkesan. Realitinya, industri ternakan khususnya lembu pedaging dan kambing serta biri-biri pada masa ini masih berskala kecil, tetapi berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan daging import. Selain itu, isu dan cabaran yang dihadapi dalam industri ini juga kekurangan kawasan penternakan, baka yang berkualiti, harga makanan serta kekurangan kepakaran dan hasil tenaga kerja (Sansul Bahri, 2021). Manakala, sebanyak 75% ladang ternakan ayam masih diuruskan secara sistem terbuka yang membawa kepada produktiviti pengeluaran yang rendah. Ini termasuk kos birokrasi seperti syarat kelulusan kebenaran merancang yang mengambil masa serta kos yang membabitkan sebanyak RM90,000 sehingga RM150,000 untuk setiap pemohon bagi mendirikan sistem ternakan tertutup (Ismail, E. H.2022).

### **Senario Potensi Wakaf dalam Industri Pertanian di Malaysia**

Wakaf merupakan satu mekanisme filantropi Islam yang mempunyai keunikan kepada sifat kekekalan aset yang dapat membentuk penjanaan ekonomi yang berterusan. Di Malaysia, wakaf bukan dikembangkan untuk ibadah semata malah merangkumi aspek seperti kesihatan, perumahan, pertanian, pendidikan dan pelbagai lagi. Secara tidak langsung, wakaf yang bersifat ekonomi dapat membantu sosioekonomi negara kerana dalam membawa satu rangka kerja wakaf ke arah kemajuan keusahawanan. Menurut A. Hamid et al. (2017) mencadangkan model wakaf keusahawanan yang membentuk satu penjanaan output ekonomi. Walaubagaimanapun, institusi wakaf di Malaysia yang berbeza di bawah pentadbiran negeri-negeri menjadi satu cabaran dalam mengukuhkan lagi pembiayaan wakaf. Oleh itu, syarikat pengurusan wakaf komersial swasta yang dikendalikan secara bebas harus digalakkan untuk beroperasi. Memandangkan ramai cendekiawan Islam kontemporari telah mengkritik campur tangan kerajaan dalam pengurusan wakaf, adalah dicadangkan agar pembiayaan mikro Islam berasaskan wakaf diinstitusikan di bawah organisasi korporat untuk memacu wakaf sebagai rangka kerja

keusahawanan, konsep wakaf baharu, pembiayaan wakaf inovatif dan transformasi institusi adalah antara agenda utama yang akan membantu mewujudkan sistem institusi wakaf yang lebih integratif bagi merealisasikan matlamat sosio-ekonomi dan kesejahteraan sosioekonomi yang mampan (R. Abdullah & Ismail, 2017; Hamid et al., 2017).

Menurut Saad et al., (2017), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Perak, Perlis dan Kedah menerima idea penubuhan entiti korporat dalam memajukan wakaf bagi meningkatkan aset dan harta wakaf tanpa mengetepikan punca kuasa utama negeri iaitu DYMM. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir agensi negeri sukar memberi kerjasama. Oleh itu, kerajaan negeri harus menghulurkan bantuan dalam memperkukuh agenda wakaf. Manakala R. Abdullah & Ismail (2017) juga menyatakan pembiayaan wakaf mikro Islam secara wakaf melalui wakaf tunai satu platform yang baik. Akan tetapi, perlu penelitian yang lebih mendalam dalam aspek isu konflik ketelusan agensi dan pihak berkepentingan supaya harta wakaf ditadbir dengan baik mengikut undang-undang dan syariah supaya prosedur tadbir urus jelas dan diikuti oleh semua pihak yang berkenaan termasuk penggunaan tanah wakaf untuk perniagaan pertanian. Pandangan tersebut senada oleh Mohamad, M. R. (2020) merumuskan bahawa perlunya peranan *Siyasah Syariyyah* sebagai kombinasi bersama pentadbir wakaf bagi memelihara integriti dan matlamat asal wakaf terutamanya ke atas tadbir urus wakaf yang melibatkan pengurusan, kewangan dan perundangan wakaf.

Oleh itu, dengan pengurusan yang baik potensi wakaf dalam membangunkan kesejahteraan sosioekonomi sebenarnya membantu untuk model wakaf yang pelbagai dan berinovasi selaras dengan syariah termasuk wakaf berkaitan pertanian umumnya dan penternakan khususnya. A. Hamid et al. (2020) dalam kajiannya mencadangkan satu ilustrasi konsep wakaf haiwan sebagai teras keusahawanan sosial. Pengkaji mencadangkan mekanisme yang diperlukan dalam wakaf tersebut perlu melibatkan pengurusan unit wakaf, pasaran atau industri serta pihak berkepentingan. Manakala mekanisme penting yang lain melibatkan perkara seperti tanah ragut, infrastruktur, bangunan dan fasiliti yang terlibat di dalam membentuk satu ladang wakaf haiwan. Selain itu, aspek pembiayaan perlu dilihat secara patuh syariah sama ada boleh di dapati melalui sumbangan masyarakat berkaitan binatang atau sumbangan tunai bagi digunakan untuk pembelian operasi penternakan.

## **ANALISA DAN PERBINCANGAN**

Ekoran itu, sejauh mana wakaf mampu membantu industri wakaf dalam



membawa hala tuju sektor penternakan jauh lebih baik ke hadapan seiring hasrat negara terhadap sektor ini. Menurut Thornton (2010) peningkatan sekurang-kurangnya tiga dekad akan datang dalam permintaan produk ternakan, didorong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan populasi manusia, pertumbuhan pendapatan dan perbandaran. Oleh itu, mekanisme wakaf perlu menjadi sebahagian sinergi dalam memenuhi hala tuju sektor penternakan di Malaysia.

### **Sinergi Perlaksanaan Wakaf terhadap Isu Penternakan.**

**Jadual 1: Hala Tuju dan Isu Penternakan**

<b>Hala Tuju dan Isu Penternakan</b>	<b>Cadangan Solusi melalui Wakaf</b>
1 Hala tuju negara ingin memperkasakan kapasiti industri ruminan negara dan mengukuhkan pemasaran daging walau bagaimanapun terdapat isu populasi asas ternakan yang masih rendah dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan yang tidak selari dengan pertumbuhan populasi penduduk	Kajian Abdullah (2018) mendapati bahawa kebanyakan daripada 17 SDGs sesuai dengan objektif jangka panjang syariah dan terdapat skop yang baik untuk pihak berkepentingan wakaf untuk membangunkan pelan pembangunan berasaskan wakaf selaras dengan rangka kerja SDGs merujuk kepada senario semasa boleh ditentukan jika institusi bertindak balas terhadap keperluan pembangunan dan cabaran dunia. Tambahan pula, pemeraksanaan perniagaan pertanian melalui wakaf bersama entiti swasta dapat memastikan perniagaan tersebut lebih mampan bagi menangani isu berkaitan pasaran pertanian. Maka syarikat utama menjadi salah satu kunci keberkesanan hasil pertanian dalam memenuhi permintaan pasaran (Azizan et al., 2021).
2 Hala tuju seterusnya untuk mempergiat pembangunan ladang ternakan ruminan seterusnya penggunaan tanah dapat dioptimumkan tetapi kawasan bagi menjalankan aktiviti penternakan ruminan dan pembangunan makanan ternakan adalah sangat terhad.	Kebanyakan projek penternakan melibatkan projek berskala kecil. Antara kelebihan projek berskala kecil ialah dapat manfaat tanah wakaf yang terbiar khususnya di luar bandar. Namun begitu, projek berskala kecil ini juga berpotensi untuk dinaiktaraf kepada projek berskala besar (Yusof et al., 2021). Selain itu, Norfaridah et al. (2021) mengetengahkan kepentingan perancangan dan pengurusan bandar terhadap pentadbir dan agensi kerajaan bagi memastikan proses urbanisasi

3 Seterusnya hala tuju negara untuk meningkatkan keupayaan modal permulaan penternakan ruminan kerana isu dana kewangan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan masih kurang dan tidak mencukupi serta kadar kelulusan yang rendah untuk membolehkan penternak menampung kos operasi. Tambahan pula, peruntukan kewangan bagi program pembangunan industri ternakan ruminan tidak mencukupi.

4 Negara juga menasarkankan peningkatan penghasilan makanan ternakan ruminan dalam negara kerana isu kekurangan sumber makanan ternakan tempatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif ekoran kos makanan ternakan adalah tinggi dan kebanyakannya diimport. Oleh itu Penyelidikan dan Pembangunan R&D yang lebih berfokus dan berterusan perlu menjadi pelaksanaan yang penting oleh Negara.

berlaku demi manfaat waqaf, pewakaf serta masyarakat kerana tanah wakaf tersebut berselerak di Malaysia sama ada kawasan bandar serta luar bandar.

Menurut Azizan et al. (2021) Model *Waqf Trustee-Anchor Company-Community Farmer* yang dicadangkan dalam kajian boleh dilaksanakan dalam membuka jalan pembiayaan daripada bank Islam, yang serasi dengan institusi wakaf. Selain itu, Yusof et al. (2021) mencadangkan bentuk pembiayaan kepada skala kecil, sederhana dan besar seperti bentuk pembiayaan secara konservatif, perkongsian (mudharabah dan musyarakah) serta penerbitan ekuiti dan sukuk. Berdasarkan konsep wakaf, cendekiawan Islam kontemporari cuba merumuskan pelbagai kaedah pembiayaan baharu yang patuh syariah untuk membangunkan hartanah wakaf. Antara kaedah yang diutarakan iaitu melalui pembiayaan berasaskan kredit, pembiayaan institusi, pembiayaan berasaskan korporat (Hydzulkifli et al., 2014) menyimpan dana wakaf tetap, menubuhkan dana wakaf baharu dan membiayai usahawan kecil oleh pemilik wakaf (Alani et al., 2016). Dana wakaf merupakan juga wakaf tunai yang boleh membantu kekurangan pembiayaan mikro.

Magda Ismail (2013) dalam kajiannya menunjukkan potensi wakaf tunai dalam membiayai bukan sahaja bidang keagamaan tetapi juga membiayai pelbagai barangan dan perkhidmatan yang diperlukan di peringkat global, seperti pendidikan, kesihatan, penjagaan sosial dan pengaktifan komersial, infrastruktur asas. Hal ini merujuk kejayaan sejarah wakaf dalam menyediakan perkhidmatan awam dalam masyarakat Islam. Oleh itu, sektor wakaf boleh memainkan peranan yang dipertingkatkan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat kontemporari (Mazrul Shahir, 2012).

## **KESIMPULAN**

Islam merupakan agama yang menawarkan penyelesaian masyarakat dalam kehidupan juga dalam sektor ekonomi. Hal ini juga merangkumi penyelesaian dalam memberi solusi bagi menghadapi cabaran terhadap isu-isu di dalam sektor penternakan, malah meningkatkan komersialan sektor penternakan terutamanya dalam memenuhi permintaan pasaran berkaitan makanan bagi memenuhi keperluan hidup manusia umumnya. Oleh itu, kajian ini dapat melihat bagaimana hala tuju wakaf mampu memberi sinergi yang baik dalam sektor penternakan seiring mencapai hala tuju negara. Tambahan pula, wakaf bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme kewangan Islam yang bersifat ekonomi dan bermotifkan pengagihan malahan ia bertunjangkan semangat kecintaan dan persaudaraan kepada masyarakat yang lain. Maka, sewajarnya wakaf berpotensi dalam membantu sektor penternakan di negara ini. Namun, penyelidikan serta cadangan pembinaan model perlu dibentuk melalui

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengiktiraf dan menghargai kemudahan dan sokongan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam Fundamental Research Grant Scheme for Research Acculturation of Early Career Researchers (RACER), no fail: RACER/1/2019/SSI03/UITM//2 yang telah membantu menyiapkan penyelidikan ini.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Tiada apa-apa konflik yang wujud antara penulis serta pihak luar yang telah terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel ini secara keseluruhan.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Pengarang pertama dan keempat bertindak sebagai perancang kajian, pengumpulan bahan dan penulisan artikel. Manakala, pengarang kedua dan ketiga bertindak sebagai penasihat, penyumbang idea dan penyusun penulisan mengikut spesifikasi jurnal dalam menjayakan penerbitan bersama pihak jurnal.

## **RUJUKAN**

Abdullah, M. (2018). Waqf, Sustainable Development Goals (SDGs) and maqasid. *International Journal of Social Economics*, 45(1), 158–172. <https://doi.org/10.1108/IJSE-10-2016-0295>

- Abdullah, R., & Ismail, A. G. (2017). Taking stock of the waqf-based Islamic microfinance model. *International Journal of Social Economics*, 44(8), 1018–1031. <https://doi.org/10.1108/IJSE-06-2015-0176>
- Adnan Mohamed Yusoff, & Abdoul Karim Toure. (2020). Haiwan dan Ternakan dalam Quran: Statistik dan Objektif Penyebutan. In *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 16(2), 69–89. <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v16i2.232>
- Alani, U. A., Algodah, M. T. S., & Alshwaiyat, M. S. (2016). Role of Waqf (Endowment) Funds in Financing Small Projects. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 8(2), 53–66.
- Astuti, H. K. (2022). Pemberdayaan Wakaf Produktif Sebagai Instrumen untuk Kesejahteraan Umat. OSF. <https://doi.org/10.31219/osf.io/fcmve>
- Azizan, N. A., Muhamat, A. A., Alwi, S. F. S., Ali, H., & Abdullah, A. Q. C. (2021). Revitalising Waqf (endowment) lands for agribusiness: potentials of the anchor company models. 2(100). <https://doi.org/10.1108/JADEE-05-2021-0128>
- Azizan, N. A., Muhamat, A. A., Alwi, S. F. S., Ali, H., Jaafar, M. N., & Jusoh, N. H. (2021). Agribusiness as The Solution for The Underutilized Waqf Lands: A Viewpoint from The Waqf Administrators. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 19(3), 295–306.
- Bakar, N. A. A., Hussain, M. N. M., Hamed, A. B., Azrai Azaimi Ambrose, A. H., Gulam Hassan, M. A., & Hanafi, H. (2018). A proposed model for waqf financing public goods and mixed public goods in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(3), 395–415. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-01-2017-0001>
- Farah Adila Abdullah, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2020). The Adoption of Innovation In Ruminant Farming For Food Security In Malaysia: A Narrative Literature Review. *Journal of Critical Reviews*, 7(6), 738–743.
- Hamid, A., Tahir, M., & Muhammad, H. (2017). Waqf as a framework for entrepreneurship. *Humanomics*, 33(4), 419–440. <https://doi.org/10.1108/H-01-2017-0015>
- Harian Metro (2022, Jun 9). Isu sekuriti makanan ditangani kerajaan elak rakyat terbeban. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/06/850175/isu-sekuriti-makanan-ditangani-kerajaan-elak-rakyat-terbeban-metrotv>
- Hydzulkifli, H. O., Ahmed Umar, & Diara Md Jadi. (2014). The Development of Waqf Properties by Using Credit- Based Financing Methods: A Critical Review and Its Implications to Social Welfare of The Ummah. *Seminar Wakaf Iqlimi*, 603–612.

- Ismail, E. H. (2022). Peraturan Renyah Bebaskan Penternak. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/06/963035/peraturan-renyah-bebankan-penternak>
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (2021). Pelan Strategik & Tindakan Pembangunan Industri Pedaging Negara 2021-2025. Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Magda Ismail, A. M. (2013). Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needs. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 304–321. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-08-2013-0094>
- Mazrul Shahir, M. Z. (2012). Waqf and Its Role in Socio-Economic Development. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 4(2), 173–178.
- Ministry of Agriculture and Food (2021). Prestasi Malaysia Dalam GFSI 2021. <https://www.mafi.gov.my/gfsi-2021> (Diakses pada 30 Ogos 2022)
- Mohamad, M. R. (2020). Kedudukan tadbir urus wakaf di Malaysia: kajian dari sudut hubungan terhadap Siyash Shar'iyah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 135-149.
- Mohd Borhanuddin, Z., Juairiah Hasan, H., Wan Saifuldin, W. H., & Ahmad Jazlan, M. J. (2018). Dasar Agromakanan Negara (Dan) : Analisis Terhadap Makanan Asasi Padi & Beras Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 39–58.
- Mutalib, Z. A (2020, Jun 26). Hidupkan semula Rancangan Buku Hijau. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/970234/hidupkan-semula-rancangan-buku-hijau>
- Mutalib, Z. A (2020, Ogos 6). Kerajaan Akan Lancar Dasar Agromakanan Negara 2.0. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/847827/kerajaan-akan-lancar-dasar-agromakanan-negara-20>.
- Roslan, M. N. H. ., Ahmad Rashid, U. S. ., Zulkiflee, N. ., & Bahri, S. . (2021). The Role of Islamic Financial Philanthropy During Covid-19: An Overview: Peranan Filantropi Kewangan Islam Dalam Mendepani Covid-19: Satu Tinjauan Awal. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 24(2), 17–27. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/365>
- Saad, N. M., Sarif, S. M., Osman, A. Z., Hamid, Z., & Saleem, M. Y. (2017). Managing Corporate Waqf in Malaysia: Perspectives of Selected SEDCs and SIRC. *Jurnal Syariah*, 25(1), 91–116.
- Sansul Bahri (2021, November 10). Suburkan sektor penternakan sumber makanan negara tak terjejas. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2021/11/10/suburkan-sektor-penternakan-sumber-makanan-negara-tak-terjejas/>

- Seré, C., Steinfeld, H., & Groenewold, J. (1995). World livestock production system: Current status, issues and trends. Food and Agriculture Organization.
- Serin, T., Radam, A., Shamsudin, M. N., & Mohamed, Z. (2008). The efficiency of beef cattle production: A case study in the target area of concentration in Johor , Malaysia. *Economic and Technology Management Review*, 3, 57–74.
- Sulaiman N.A. (2022, Julai 27). MAFI lancar 2 pelan bangunkan industri ruminan negara. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/843859/mafi-lancar-2-pelan-bangunkan-industri-ruminan-negara>
- Surita Hartini Mat Hassan, & Mohd Nasir Ayub. (2019). Sustainable Development of Waqf Property: Conceptual Analysis Kelestarian Pembangunan Harta Wakaf: Analisis Konseptual. *Jurnal Intelek*, 14(1), 27–35.
- Thornton, P. K. (2010). Livestock production: recent trends, future prospects. *The Royal Society*, 2853–2867. <https://doi.org/10.1098/rstb.2010.0134>
- Yaseen, A., Bryceson, K., & Mungai, A. N. (2018). Commercialization behaviour in production agriculture. 8(3), 579–602. <https://doi.org/10.1108/JADEE-07-2017-0072>
- Yusof, M. F. M., Romli, N., Bhari, A., Khalid, M. M., & Yaakob, M. A. Z. (2021). Potensi Pendekatan Pembiayaan Wakaf Penternakan Berskala Mikro, Sederhana dan Makro. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 100–114.
- Zahrul Akmal, D. (2016). Dasar kerajaan dan Isu Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian Analisis Dokumen dan Temu bual. *Universiti Utara Malaysia*.
- Zayadi, R. A. (2021). Current Outlook of Livestock Industry in Malaysia and Ways Towards Sustainability. In *Journal of Sustainable Natural Resources*, 2(2), 1–11. <http://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jsunr>